



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 02 /2021

Rujukan : Bil (35) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

03 Mac 2021

Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

**KEMUDAHAN PINJAMAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (SMARTPHONES)
BERJUMLAH RM700 KEPADA ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Majlis amat prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota yang kurang berkemampuan untuk menyediakan peralatan pembelajaran secara atas talian "online" kepada anak-anak. Oleh yang demikian, Majlis telah bersetuju untuk melonggarkan syarat-syarat Pinjaman Komputer Dan Telefon Pintar (*Smartphones*) dalam 1PP:WP 9.1 kepada anggota Majlis melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am Bil. 358/02/21 yang telah diadakan pada 18 Februari 2021 dan disahkan minit mesyuarat ini dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 358/02/21 yang lalu.

3. Pelaksanaan kemudahan kelonggaran pinjaman komputer dan telefon pintar (*smartphones*) ini berkuatkuasa pada **03 Mac 2021**. Syarat-syarat yang dilonggarkan adalah seperti berikut:

- i. Kelonggaran syarat pinjaman komputer dan telefon pintar (*smartphones*) hanya dalam tahun **2021 sahaja**;
- ii. Amaun pembiayaan yang dibenarkan tertakluk kepada pengiraan jumlah potongan bulanan bagi bayaran balik tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan semua **potongan gaji** hendaklah **tidak melebihi 80%** daripada jumlah gaji dan elaun-elaun;
- iii. Pinjaman terhad kepada **RM700.00 sahaja**; dan
- iv. Kos setem dokumen perjanjian akan ditanggung oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID 19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023"
"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI RUMAZI BIN BAHARIN@MD DAUD)
Datuk Bandar Ipoh

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"